

**SOALAN-SOALAN LAZIM ACCOUNT PORTABILITY
(UNTUK PELANGGAN)**

No	Soalan	Jawapan
A. Maklumat Umum		
1	Apakah itu Account Portability?	<p>Account Portability adalah pemindahan</p> <ul style="list-style-type: none">i. Akaun Semasa/Simpanan Konvensional (Conventional Current Account/Savings Account) ("CASA") yang sedia ada kepada Akaun Semasa/Simpanan Islamik (Islamic Current Account/ Savings Account) ("CASA-i") atau Daily Fund-i, danii. MAE e-dompet Konvensional kepada e-dompet patut Syariah tanpa perlu menukar nombor akaun dan penandaan operasi yang sedia ada ("Pemindahan").
2	Bilakah Pemindahan akan berlaku?	Pemindahan hanya akan berlaku pada 1 hari bulan untuk bulan berikutnya setelah permohonan diterima dan ianya tertakluk kepada pengesahan, penilaian dan kelulusan oleh Bank. Status permohonan akan dimaklumkan melalui saluran yang dianggap sesuai oleh Bank.
3	Siapakah yang boleh membuat Pemindahan akaun?	Pemegang CASA yang sedia ada.
4	Adakah terdapat sebarang perubahan pada nombor akaun saya/kami?	<ul style="list-style-type: none">• Tidak, tiada sebarang perubahan nombor akaun akan berlaku setelah Pemindahan dibuat.• Semua operasi akaun yang sedia ada akan diteruskan dan tidak berubah apabila berlaku Pemindahan akaun.
5	Apakah kriteria kelayakan untuk Pemindahan?	<ul style="list-style-type: none">• CASA tidak dibekukan oleh Bank.• CASA tidak mempunyai baki debit.• CASA bukan sebahagian daripada produk penggabungan.• Nombor Akaun Semasa Konvensional tidak bermula dengan "0".• Akaun Semasa Konvensional tidak dibuka untuk transaksi saham.• Akaun Semasa Konvensional tidak diproses oleh Bank untuk permohonan kemudahan Overdraft.• Akaun Semasa Konvensional tidak dilengkapi dengan mana-mana kemudahan Overdraft.

No	Soalan	Jawapan
6	Apakah produk yang layak untuk Pemindahan?	<p>Berikut adalah senarai produk yang layak untuk Pemindahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Current Account (Corporate/Personal) 2. SME First Account 3. Basic Current Account 4. Premier 1 Account (PM1) 5. Private Banking Account (PBA) 6. Kawanku Savings Account 7. Basic Savings Account 8. imteen 9. Yippie 10. Maybank2u Savers 11. Golden Savers Savings Account 12. Personal Current Account 13. Personal Saver 14. Maybank2u Premier 15. MAE e-dompet
7	Bolehkah CASA sedia ada dipindahkan ke mana-mana CASA-i atau Daily Fund-i?	CASA sedia ada hanya boleh dipindahkan ke akaun Islamik yang setara seperti dalam Lampiran 1 .
8	Bolehkah saya/kami terus menggunakan buku cek konvensional dengan logo "Maybank" selepas tarikh efektif Pemindahan?	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak, anda perlu memohon buku cek baharu yang menggunakan logo "Maybank Islamic Berhad" selepas tarikh efektif Pemindahan. • Sebarang cek yang menggunakan logo Maybank selepas Pemindahan tidak akan dilunaskan oleh Bank. • Walaubagaimanapun, pihak Bank boleh atas budi bicaranya dan tanpa kewajiban memproses cek lepas-tarikh yang dikeluarkan sebelum dan/atau selepas tarikh efektif Pemindahan.
9	Apakah yang harus saya/kami lakukan dengan lebihan buku cek yang belum lagi digunakan yang membawa logo "Maybank"?	Lebihan buku cek yang masih tidak lagi digunakan yang membawa logo "Maybank" hendaklah dipulangkan ke cawangan asal anda selepas tarikh efektif Pemindahan.
10	Bolehkah saya/kami terus menggunakan buku simpanan Konvensional yang membawa logo "Maybank" selepas tarikh efektif Pemindahan?	Tidak, anda perlu memohon buku simpanan baharu yang menggunakan logo "Maybank Islamic Berhad" selepas tarikh efektif Pemindahan.



Maybank

Islamic

No	Soalan	Jawapan								
11	Adakah persetujuan diperlukan untuk Pemindahan?	<p>Ya, anda perlu memberikan persetujuan untuk Pemindahan dan persetujuan boleh diberikan melalui saluran berikut :</p> <table border="1"><thead><tr><th>Saluran</th><th>Persetujuan</th></tr></thead><tbody><tr><td>Cawangan</td><td>Mengisi Borang Persetujuan Pemindahan.</td></tr><tr><td>Kakitangan Bank</td><td></td></tr><tr><td>Perbankan Atas Talian</td><td>Borang Persetujuan Pemindahan di www.maybank2u.com.my</td></tr></tbody></table>	Saluran	Persetujuan	Cawangan	Mengisi Borang Persetujuan Pemindahan.	Kakitangan Bank		Perbankan Atas Talian	Borang Persetujuan Pemindahan di www.maybank2u.com.my
Saluran	Persetujuan									
Cawangan	Mengisi Borang Persetujuan Pemindahan.									
Kakitangan Bank										
Perbankan Atas Talian	Borang Persetujuan Pemindahan di www.maybank2u.com.my									
12	Apakah saluran yang boleh digunakan untuk permohonan Pemindahan?	<ul style="list-style-type: none">• Melalui kaunter cawangan• Melalui kakitangan Bank terpilih seperti Pengurus Perhubungan atau Perkhidmatan Pelanggan• Melalui Perbankan atas talian www.maybank2u.com.my (pelanggan individu sahaja) <p><i>Nota: Tiada kos tambahan akan dikenakan untuk proses Pemindahan.</i></p>								
13	Apakah yang saya/kami patut lakukan jika gagal membuat permohonan Pemindahan melalui www.maybank2u.com.my ?	Sebagai alternatif, anda boleh membuat permohonan di mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang berhampiran.								
14	Setelah Pemindahan, bolehkah CASA-i/Daily Fund-i dipindahkan ke akaun konvensional semula?	Tidak, setelah berlaku Pemindahan, akaun tersebut tidak boleh dipindahkan semula ke akaun konvensional.								
15	Bolehkah saya/kami menarik balik permohonan Pemindahan saya / kami?	Ya, anda boleh menarik balik permohonan Pemindahan di kaunter (cawangan) sebelum tarikh efektif Pemindahan (iaitu sebelum 1 haribulan pada bulan berikutnya).								
16	Bolehkah saya/kami memohon untuk memindahkan CASA-i atau Daily Fund-i ke CASA?	<ul style="list-style-type: none">• Tidak, Pemindahan ini hanya untuk memenuhi permohonan Pemindahan dari CASA ke CASA-i atau Daily Fund-i.• Sebagai alternatif, anda boleh menutup CASA yang sedia ada dan seterusnya membuka CASA baharu; seperti proses semasa.								
17	Adakah saya/kami akan dimaklumkan apabila Pemindahan berlaku?	Ya, anda akan dimaklumkan tentang status Pemindahan dalam tempoh T + 7 hari bekerja melalui saluran yang dianggap sesuai oleh Bank.								
18	Apakah kesan kepada akaun saya/kami setelah Pemindahan berlaku?	<p>Apabila Pemindahan berjaya dilakukan</p> <ul style="list-style-type: none">• Akaun yang telah berpindah akan menggunakan ciri-ciri produk CASA-i atau Daily Fund-i semasa ; dan• Pematuhan terhadap Terma dan Syarat Islamik (yang mana berkenaan) yang terdapat di www.maybank2u.com.my adalah seperti berikut:								

No	Soalan	Jawapan
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Terma dan Syarat untuk Akaun Perbankan Islam 2. Terma dan Syarat Akaun Pelaburan Mudarabah bagi Perbankan Islam 3. Terma dan Syarat Spesifik untuk M2U Savers-i, dan atau 4. Terma dan Syarat Maybank One Terms bagi Personal Saver-i and Flexi Plan-i.
19	Di manakah saya/kami boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang ciri-ciri produk CASA-i atau Daily Fund-i?	Butiran lanjut bagi ciri-ciri produk CASA-i atau Daily Fund-i yang setara dengan CASA adalah seperti dalam Lampiran 1 boleh didapati di www.maybank2u.com.my
20	Apakah ciri-ciri kemudahan Cashline-i (Overdraft Islamik) yang boleh saya/kami mohon selepas Pemindahan?	<ul style="list-style-type: none"> • Cashline-i adalah kemudahan pembiayaan berdasarkan kontrak Shariah Komoditi Murabahah (harga kos ditambah keuntungan), di mana pemilik (Bank) aset menjual aset kepada pembeli (Pelanggan) pada harga kos dan keuntungan yang diketahui. Ia memerlukan jualan dan pembelian komoditi untuk melaksanakan akad. • Akad akan diperbaharui setiap 5 tahun dimana yuran perdagangan kecil perlu dibayar dan ianya tidak melebihi RM15 / juta per had kemudahan. • Keuntungan akan dikenakan ke atas amaun kemudahan yang digunakan sehingga penyelesaian sepenuhnya atau apabila mencapai keuntungan maksimum Bank daripada Harga Jualan Bank, yang mana terdahulu. Selebihnya tidak akan dikenakan keuntungan. • Untuk ansuran tertunggak, Caj Pembayaran Lewat (LPC) akan dikenakan ke atas jumlah yang tertunggak sebanyak 1% setahun sehingga tarikh penghakiman atau apabila tempoh matang kemudahan itu sampai, yang mana lebih awal dan selepas itu akan dikenakan berdasarkan pada Kadar Pasaran Kewangan Interbank Islam ("IIMM ") setahun sehingga penyelesaian penuh. • Jika berlaku lebihan, LPC sebanyak 1% akan dikenakan ke atas amaun lebihan bermula dari hari akaun anda berlebihan. • Tiada unsur gandaan untuk LPC dan pengiraan keuntungan. • Tiada yuran komitmen bagi kemudahan yang tidak digunakan. • Tiada caj/tempoh terkunci bagi penyelesaian awal
21	Dimanakah saya/kami boleh mendapatkan penjelasan lanjut mengenai Pemindahan?	Sila layari www.maybank2u.com.my atau hubungi Maybank Group Contact Centre di 1-300-88-6688 untuk maklumat lanjut atau pertanyaan mengenai Pemindahan.



No	Soalan	Jawapan								
B. Maklumat Tambahan untuk Akaun Individu (Sendirian/ Bersama)										
1	Adakah terdapat sebarang syarat tambahan untuk akaun individu?	Ya, borang Penilaian Kesesuaian perlu diisi sekiranya produk setara adalah produk di bawah Daily Fund-i.								
2	Bolehkah saya memohon untuk memindahkan "MAE" e-dompet saya?	Ya, anda boleh membuat permohonan Pemindahan MAE e-dompet anda yang sedia ada didaftarkan sebelum Mac 2020 melalui Aplikasi M2U dan Aplikasi MAE baharu. Pemindahan kepada MAE patuh Syariah akan efektif pada 1 hari berkerja yang berikutnya (BUKAN pada 1 hari bulan untuk bulan berikutnya). Nota: MAE e-dompet menggunakan proses dan dokumen-dokumen yang berbeza bagi Pemindahan.								
3	Bolehkan saya/kami memohon untuk memindahahkan akaun Personal Saver berserta sub akaun, Flexi Plan?	Tidak, hanya Personal Saver tanpa Flexi Plan dan produk penggabungan dibenarkan untuk Pemindahan.								
C. Maklumat Tambahan untuk Akaun Bukan Individu										
1	Adakah terdapat sebarang syarat tambahan untuk akaun perniagaan?	Ya, resolusi lembaga yang baharu perlu dikemukakan untuk tujuan Pemindahan.								
2	Apa tarikh-tarikh penting yang saya/kami perlu tahu?	Sila rujuk tarikh-tarikh berikut untuk membuat permohonan Pemindahan bagi akaun dengan kemudahan. <table border="1"><thead><tr><th>Kemudahan</th><th>Tarikh efektif membuat permohonan Pemindahan</th></tr></thead><tbody><tr><td>Regional Cash Management System (RCMS) atau M2E</td><td>1 Mac 2021</td></tr><tr><td>Bukan-RCMS (a) Sweeping (b) Dana Pemindahan Dipatenkan atau Pegged Fund Transfer (PFT) (c) Pooling (d) Virtual Account</td><td>1 Mei 2021</td></tr><tr><td>Kedua-duanya (RCMS dan Bukan-RCMS)</td><td>1 Mei 2021</td></tr></tbody></table> Nota: Akaun tersebut secara efektifnya akan dipindahkan pada 1 hari bulan untuk bulan berikutnya selepas permohonan dibuat.	Kemudahan	Tarikh efektif membuat permohonan Pemindahan	Regional Cash Management System (RCMS) atau M2E	1 Mac 2021	Bukan-RCMS (a) Sweeping (b) Dana Pemindahan Dipatenkan atau Pegged Fund Transfer (PFT) (c) Pooling (d) Virtual Account	1 Mei 2021	Kedua-duanya (RCMS dan Bukan-RCMS)	1 Mei 2021
Kemudahan	Tarikh efektif membuat permohonan Pemindahan									
Regional Cash Management System (RCMS) atau M2E	1 Mac 2021									
Bukan-RCMS (a) Sweeping (b) Dana Pemindahan Dipatenkan atau Pegged Fund Transfer (PFT) (c) Pooling (d) Virtual Account	1 Mei 2021									
Kedua-duanya (RCMS dan Bukan-RCMS)	1 Mei 2021									
3	Apa lagi yang saya/kami perlu tahu?	Akaun-akaun yang telah dipindahkan tidak boleh memohon kemudahan-kemudahan Bukan-RCMS sehingga tarikh efektif seperti diatas.								

Lampiran 1:
Akaun Semasa/Simpanan Konvensional dan Akaun Islamik Setara yang Layak

Pemindahan daripada CASA	Pemindahan kepada	
	CASA-i (Deposit)*	Daily Fund-i (Akaun Pelaburan Mudarabah)**
Corporate Current Account (Corporate/SME/BB)	Current Account-i	Premier Mudharabah Account-i Corporate/SME/BB
SME First Account	SME First Account-i	SME First Investment Account-i
Personal Current Account	Current Account-i	Premier Mudharabah Account-i
Basic Current Account	Basic Current Account-i	Nil
Premier 1 Account (PM1)	Nil	Premier Mudharabah Account-i
Private Banking Account (PBA-i)	Nil	Private Banking Account-i
Kawanku Savings	Savings Account-i	Nil
Basic Savings Account	Basic Savings Account-i	Nil
imteen	imteen-i	Nil
Yippie	Yippie-i	Nil
Maybank2u Savers	Maybank2u Savers-i	Nil
Golden Savers Savings Account	Nil	Golden Savvy Account-i
Personal Saver	Personal Saver-i	Nil
Maybank2u Premier	Nil	Premier Mudharabah Account-i
MAE*** (e-dompet)	MAE patuh Syariah (e-dompet)	

*Akaun Deposit adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

**Akaun Pelaburan Mudarabah tidak dilindungi oleh PIDM. Prinsipal juga tidak dijamin.

***Hanya untuk MAE yang dibuka sebelum Mac 2020. Efektif Mac 2020, MAE secara automatik akan dibuka sebagai MAE patuh Syariah. MAE tidak dilindungi oleh PIDM.